

Headline	Hasil eksperimen dalam jurnal	Language	MALAY
Date	27. Jan 2008	Page No	3
Media Title	Mingguan Malaysia	Article Size	419 cm2
Section	Dlm Negeri	Frequency	Daily
Circulation	570824	Color	Full Color
Readership	2498000		



Hasil eksperimen dalam jurnal



DR. SHEIKH Muszaphar Shukor berkongsi pengalaman dan kegembiraan bersama pelajar IPTA dan IPTS di Kota Bharu, Kelantan, semalam.

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM

KOTA BHARU 26 Jan. - Hasil eksperimen yang dijalankan oleh angkasawan negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) akan diterbitkan dalam jurnal antarabangsa.

Sheikh Muszaphar berkata, pada masa ini perkembangan semua eksperimen itu amat memuaskan dengan sel-sel kajian berkembang dengan baik dan hasilnya akan diperolehi dalam tempoh dua bulan.

"Kita telah mengadakan perbincangan dengan pakar dan saintis seperti dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Mara, hasilnya akan dikongsi seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Amanat Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed Kepada Pelajar IPT di Kelantan dan Majlis Bersama Angkasawan Negara di sini hari ini.

Eksperimen yang dijalankan angkasawan negara melibatkan tiga komponen

penting iaitu sel di angkasa, mikrob di angkasa dan penghabluran protein.

Menggunakan sepenuhnya kelebihan mikrograviti dan ruang radiasi di angkasa, penyelidikan juga akan memberikan satu bentuk keputusan yang sangat hampir kepada biologi sebenar sel, mikrob dan protein yang dikaji.

Sementara itu, majlis "Pengalaman Saya di Angkasa Lepas" bersama Dr. Sheikh Muszaphar itu mendapat sambutan hangat apabila hampir 3,000 pelajar IPT memenuhi dewan sebuah hotel di sini bagi mendengar sendiri pengalaman beliau.

Sesi selama dua jam itu dibahagikan kepada dua segmen iaitu Sheikh Muszaphar berkongsi pengalamannya dan sesi soal jawab dengan lebih 30 wakil pelajar mengemukakan pelbagai soalan seperti hasil eksperimen sains dan pengalaman beribadat di angkasa lepas.

Angkasawan negara itu yang melawat Kelantan selama dua hari bermula hari ini mempunyai jadual ketat iaitu pada sebelah petang, beliau mengadakan pertemuan dengan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Lanas, Jeli dan pada sebelah malam pula pertemuan dengan ketua-ketua jabatan kerajaan di sini.

Esook, Sheikh Muszaphar akan ke SMK Tanah Merah 1 sebelum mengakhiri lawatan ke Maktab Rendah Sains Mara Kuala Krai.